

07/09/1999

Wan Azizah digesa berhenti burukkan kerajaan

KUANTAN, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bersimpati dengan nasib Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail kerana sanggup memperjuangkan suaminya sehingga menubuhkan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mahu wanita itu menghentikan kegiatan memburukkan kerajaan dalam siri kempen parti berkenaan.

Perdana Menteri berkata, tindakan Azizah menubuhkan Keadilan dan bertungkus lumus mengikut arahan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk berkempen ke merata tempat dengan memburukkan kerajaan, bukan cara terbaik memperjuangkan nasib suaminya itu.

Menurutnya, banyak pemimpin lain menerima nasib sama seperti Anwar tetapi mereka tidak menubuhkan parti seperti dilakukan Azizah.

"Saya sedar dan kasihan kepada Azizah kerana dia kenalan saya yang baik. Saya sedar kesedihannya kerana suaminya dimasukkan ke penjara dan dia pula susah kerana memelihara enam anak.

"Bagaimanapun, saya sedih kerana dia menubuhkan sebuah parti dan berkempen memburukkan kerajaan dan itu bukan caranya untuk dia memperjuangkan suaminya.

"Saya simpati kerana dia terpaksa bertungkus lumus mengikut arahan Anwar untuk buat bermacam-macam tuduhan," katanya ketika berucap di majlis perjumpaan Presiden Barisan Nasional (BN) itu dengan pemimpin parti komponen BN Pahang, di Dewan Konvensyen di sini petang ini.

Dr Mahathir berkata, Azizah sendiri dalam temuramah dengan stesen televisyen Australia, mengakui beliau (Azizah) tidak mempercayai sesiapa, sekali gus menunjukkan Azizah tidak mempercayai Anwar.

Perdana Menteri berkata, pengakuan Azizah menunjukkan isteri Anwar itu mungkin mengetahui lebih banyak perkara mengenai suaminya tetapi tidak memaklumkan kepada sesiapa.

"Saya melihat video temuramah itu yang menyoal Azizah sama ada dia percaya suaminya dan wanita yang ada hubungan dengan suaminya itu tetapi Azizah menjawab, dia tidak percayakan sesiapa.

"Ini bermakna Azizah sendiri tidak percayakan suaminya," katanya.

Perdana Menteri berkata, kewujudan Keadilan hanya selepas Anwar ditangkap dan dijatuhkan hukuman tetapi ketika bekas Timbalan Perdana Menteri itu masih menganggotai kerajaan, semua keputusan kerajaan dan badan kehakiman di negara ini dianggap baik dan adil.

Beliau berkata, keadilan diperjuangkan parti itu hanya untuk seorang individu dan ini membuktikan parti berkenaan cuba melindungi individu tertentu daripada dikenakan tindakan undang-undang jika melakukan kesalahan.

"Perbincaraan yang dijalankan terhadap Anwar mengambil masa lebih 70 hari dan ia sesuatu yang luar biasa kerana diadakan secara terbuka, manakala hakim pula meneliti dan menyediakan 380 muka penjelasan berkenaan hukuman yang dijatuhkan.

"Bagaimanapun, apabila terkena diri sendiri, dikatakan pula tidak adil dan kemudian membuat tuduhan kononnya kerajaan tidak adil sehingga memerlukan parti Keadilan.

"Ini menampakkan seolah-olah undang-undang di negara kita boleh dikenakan kepada semua orang tetapi bukan terhadap orang tertentu seperti Timbalan Perdana Menteri (TPM)," katanya.

Beliau berkata, dua pemimpin pembangkang iaitu Lim Kit Siang dan Karpal Singh yang pernah ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)

pada 1987, juga tidak pernah merungut mengenai tindakan itu sebagai tidak adil.

"Di negara kita, bukan sahaja TPM boleh dikenakan tindakan mahkamah, tetapi juga menteri Kabinet, ketua menteri, menteri besar, raja dan Yang di-Pertuan Agong tetapi bagi raja, badan kehakimannya berbeza walaupun undang-undangnya sama.

"Penguatkuasaan undang-undang di negara kita dilakukan tanpa pilih kasih kerana kita tak ada kroni dan tak ada nepotisme.

"Jika kawan yang kena tuduh, kita bersalah jika melindunginya daripada undang-undang kerana undang-undang berkuasa ke atas semua pihak, termasuk raja, pemimpin dan rakyat," katanya.

Sebagai kerajaan yang adil, Dr Mahathir berkata, BN tidak akan mempertahankan sesiapa juga, termasuk pemimpinnya jika mereka bersalah.

(END)